

Pelbagai fitnah untuk cemar nama baik PM

BH - 6 APR 1988

KUALA LUMPUR, Selasa — Ketua Penerangan Penaja Umno (baru), Senator Haji Hussein Ahmad, mendedahkan usaha golongan tertentu melemparkan pelbagai fitnah terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi mencemar kewibawaan kepemimpinannya.

Menurutnya antara fitnah itu ialah usaha sedang dijalankan untuk melantik Datuk Seri Dr Mahathir sebagai Presiden seumur hidup bagi Umno (baru) dan memastikan pucuk pimpinan parti itu secara turun-temurun.

Selain itu, katanya, ada dakwaan kononnya segala keputusan Umno (baru) akan dibuat oleh Datuk Seri Dr Mahathir dan bukannya Majlis Tertinggi (MT) parti.

"Ini semua fitnah yang bertujuan memburukkan nama baik Perdana Menteri dan kepemimpinannya," katanya ketika ditemui di Bangunan Parlimen di sini hari ini.

Beliau berharap rakyat, khususnya bekas anggota Umno (lama) akan berwaspada terhadap fitnah itu yang sengaja disebarkan oleh golongan yang berusaha menggugat kestabilan negara.

Mengenai Umno (baru), Senator Haji Hussein, yang juga Timbalan Menteri Peruma-

han dan Kerajaan Tempatan, berkata penubuhannya sah di segi undang-undang kerana ia sudah diluluskan oleh Pendaftaran Pertubuhan.

"Rakyat tidak perlu ragu atau bimbang dengan penubuhan Umno (baru) kerana penubuhannya dibuat mengikut peraturan undang-undang," katanya.

Beliau menegaskan Umno (baru) akan meneruskan usahanya untuk membesarkan penubuhannya bagi membolehkan ia meneruskan perjuangan Umno (lama) yang diisytiharkan tidak sah.

Jamin

Mengenai perlembagaan Umno (baru), Senator haji Hussein berkata jawatan kuasa perlembagaan yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, sedang mengkaji cadangan-cadangan bagi mengelakkan kegiatan "politiking" dan politik wang demi menjamin kestabilan dan keutuhan parti.

Beliau memberi jaminan mereka yang jujur dan benar-benar berjuang untuk kepentingan agama, bangsa, dan negara tidak akan ditinggalkan untuk menyertai Umno (baru).